

Kertas Model UPSR

Bahasa Melayu

PENULISAN

Satu Jam Lima Belas Minit

Bahagian A

[10 markah]

[Masa dicadangkan: 15 minit]


Gambar di bawah menunjukkan aktiviti semasa kempen kebersihan dan keceriaan di kawasan sekolah.

Tulis lima ayat yang lengkap tentang aktiviti-aktiviti tersebut.

Tulis satu ayat yang lengkap bagi setiap gambar.



**KEMPEN
KEBERSIHAN
DAN
KECERIAAN**




Bahagian B

[15 markah]

[Masa dicadangkan: 25 minit]

Penjagaan alam sekitar amat penting untuk menjamin kesejahteraan hidup. Berdasarkan gambar di bawah, tulis ulasan tentang cara-cara menjaga alam sekitar dalam bentuk perenggan.

Panjangnya ulasan kamu hendaklah antara 40 hingga 70 patah perkataan.



Bahagian C
[25 markah]
[Masa dicadangkan: 35 minit]

*Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab satu soalan sahaja.
Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 70 hingga 100 patah perkataan.*

Soalan 1

Ayuh kawan-kawan
Membaca pelbagai bahan bacaan
Banyak manfaat boleh diperoleh
Meningkatkan ilmu pengetahuan
Menambahkan perbendaharaan kata
Agar dapat menjadi insan yang berilmu.

Puisi di atas menggambarkan kebaikan yang akan kita peroleh sekiranya kita membaca. Kita seharusnya memupuk tabiat membaca dalam kalangan murid-murid sejak kecil lagi. Berdasarkan puisi tersebut, tulis sebuah karangan tentang cara-cara untuk memupuk tabiat membaca dalam kalangan murid-murid.

ATAU

Soalan 2

Pihak polis memuji kami sekeluarga kerana bersikap prihatin terhadap kebajikan jiran yang berada di sekeliling kami.

Tulis sebuah cerita yang berakhir dengan ayat di atas.